



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 SEPTEMBER 2016

## TPM sifatkan Pak Lah pemimpin contoh

BH - 11/9/2016

**Kepala Batas:** Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi semalam, menyifatkan Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai pemimpin contoh kerana tidak pernah memberikan komen negatif terhadap pemimpin lain selepas tidak lagi menjadi perdana menteri.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Abdullah yang lebih mesra dipanggil Pak Lah ialah pemimpin yang layak untuk dianugerahkan sebagai tokoh pemimpin terbaik.

"Pak Lah tak berikan komen yang negatif kerana pemimpin datang dan pergi, pemimpin diuji. Pak Lah memahami keadaan itu, pemimpin yang harus dihormati," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Kepala Batas, di sini.

Yang turut hadir, Abdullah; Ketua UMNO Bahagian Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican; Pengerusi Barisan Nasional Pulau Pinang, Teng Chang Yeow.

### Kehebatan hasil sokongan ahli

Timbalan Perdana Menteri berkata, setiap pemimpin tidak dapat lari daripada dugaan dan kehebatan seseorang pemimpin adalah hasil sokongan kuat ahli parti.

"Setiap pemimpin ada dugaannya, Pak Lah juga diduga (dan) beliau berjaya, (Perdana Menteri Datuk Seri) Najib (Razak) juga diduga dan saya pun diduga. Yang (pemimpin) sebelum itu (bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad) pun diduga lebih 20 tahun. Dia hebat sebab UMNO yang buat dia hebat," katanya.

Beliau berkata, Abdullah selaku Perdana Menteri Malaysia kelima juga berjaya menerajui BN untuk mencatatkan prestasi terbaik dalam Pilihan Raya Umum Ke-11 (PRU-11).

"Prestasi (BN) pada zaman Pak Lah adalah yang terbaik... Perdana Menteri terbaik dalam pilihan raya umum. Ini tak boleh dinafikan kerana ketika itu Pak Lah telah mengungkapkan (mengilhamkan) Islam Hadhari," katanya. **BERNAMA**



Setiap pemimpin tidak dapat lari daripada dugaan dan kehebatan seseorang pemimpin adalah hasil sokongan kuat ahli parti"

**Ahmad Zahid Hamidi,**  
Timbalan Perdana Menteri